

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

100 kes baharu direkodkan

62 kes melibatkan Kluster Benteng LD di Lahad Datu dan Tawau, Sabah

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Angka kes harian positif Covid-19 terus melonjak kepada tiga digit apabila Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 100 kes baharu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, 15 kes import dan 85 kes penularan dalam negara.

“Kementerian meghesan 62 kes penularan dalam negara melibatkan Kluster Benteng LD di Lahad Datu dan Tawau, Sabah,” katanya pada sidang akhbar perkembangan Covid-19 di kementeriaannya di sini semalam.

Menurutnya, KKM turut mengesan 23 kes dalam kalangan Kluster Sungai yang melibatkan petugas kesihatan sebuah pusat perubatan swasta.

“Bagi kes import, ia dikesan mendapat jangkitan di India, Indonesia, Pakistan dan Filipina,” kata beliau.

Beliau berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah keselu-



DR NOOR HISHAM

ruhan kes positif adalah 9,559 kes.

“Jumlah kes aktif pula adalah 295 kes,” katanya.

Dr Noor Hisham berkata, pesakit yang dirawat di unit rawatan rapi bertambah kepada tujuh kes.

“Sebanyak 12 kes telah pulih dan dibenar discaj dan jumlah

kumulatif kes pulih adalah 9,136 kes,” katanya.

Dr Noor Hisham berkata, meskipun mencatatkan peningkatan ketara di dalam Kluster Benteng LD, namun kes jangkitan Covid-19 adalah terkawal.

“Ia berlaku di dalam lokap Ibu Pejabat Polis Daerah Lahad Datu dan Tawau, bukan berada dalam masyarakat,” katanya.

Dr Noor Hisham tegur masyarakat dan petugas barisan hadapan mula alpa

PUTRAJAYA - Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menegur sikap masyarakat dan petugas barisan hadapan yang dilihat semakin alpa terhadap kehadiran coronavirus (Covid-19) dalam komuniti.

Menurutnya, nasihat yang telah diberikan mula diabaikan.

“Ini termasuk oleh petugas barisan hadapan dalam kalangan petugas kesihatan dan agensi lain,” katanya pada sidang akhbar perkembangan Covid-19 di kementeriaannya di sini semalam.

Beliau berkata, sikap tersebut telah menyumbang kepada peningkatan nilai kebolehhajangan (R0) Covid-19.

“Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa nilai R0 telah meningkat kepada 1.72 berbanding dua minggu lalu iaitu 0.72. Nilai R0 tersebut telah melebihi paras kritikal

yang ditetapkan iaitu 1.6. “Peningkatan ketara ini memberi gambaran situasi risiko berlakunya lebih banyak transmisi di dalam komuniti,” katanya.

Menurutnya, petugas barisan hadapan sememangnya mempunyai risiko yang tinggi untuk dijangkiti Covid-19 atau lain-lain penyakit berjangkit ketika di fasiliti kesihatan.

Katanya, mengambil contoh anggota kesihatan daripada Kluster Sungai didapati menjangkiti tujuh orang ahli keluarganya.

“Mengambil iktibar daripada kejadian ini, KKM gesa semua petugas kesihatan, petugas barisan hadapan pelbagai agensi dan juga semua lapisan masyarakat untuk mengambil serius situasi Covid-19 di dalam negara.

“Ambil langkah berjajaga untuk menjaga diri kita dan keluarga kita pada setiap masa,” katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

